

MAHATHIR-KUALITI  
(1)

1984

KUALA LUMPUR, 12 JUNE (BERNAMA) - KETIDAK-CEKAPAN DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN TERDAPAT DALAM PERHUBUNGAN ANTARA PEKERJA DAN PEKERJA DENGAN ORANG RAMAI YANG MEREKA BERIKAN KHIDMAT, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMMAD.

"IA MERUPAKAN SIKAP SETIAP PEKERJA, SAMA ADA PADA PERINGKAT YANG SAMA, ATAU DIBAWAHNYA MAUPUN YANG DIATASNYA," TAMBAHNYA. "KERJA BUKAN DILAKUKAN SEBAGAI SATU PASUKAN TETAPI SEBAGAI INDIVIDU YANG HANYA BERMINTA MENJALANKAN KERJANYA SAHAJA."

DALAM RENCANA MENGENAI KAWALAN MUTU KERAJAAN KELUARAN TERBARU BULETIN INTAN, PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA KUALITI MELIBATKAN SEMUA. SESEORANG MESTILAH MELETAKKAN KUALITI PADA APA SAHAJA KERJA YANG DILAKUKANNYA SEPERTI JUGA IA, MENGHARAPKAN KUALITI DALAM PERKHIDMATAN DAN HASIL YANG DIBERI DLEH ORANG-LAIN.

BELIAU BERKATA TIDAK ADA WALAU SEORANG PUN RAKYAT MALAYSIA YANG BERFIKIRAN WARAS INGIN MELIHAT NEGARNYA LEMAH DAN TIDAK BERMUTU, MEREKA JUGALAH YANG MENGANDAI BAHAWA LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG CEKAP, DAN MENJAGA MUTU TERLETAK DI KALANGAN BEBERAPA ORANG ATASAN. -- LAGI 2010/WS

ZCZC B645

MAHATHIR - KUALITI 2 KUALA LUMPUR

SEBENARNYA SETIAP ORANG MEMPUNYAI PERANAN DALAM USAHA MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG KUAT, DAN "SUDAH TENTU KAKITANGAN KERAJAAN MEMPUNYAI PERANANNYA YANG HARUS DIMAINKAN."

"JIKASEKIRANYA KAKITANGAN KERAJAAN HANYA MEMIKIRKAN MENGENAI PENDAPATAN MEREKA, MALAYSIA TIDAK AKAN MENJADI NEGARA YANG KUAT," TAMBAH BELIAU.

"HANYA SETELAH MEREKA ITU MENYEDARI MENGENAI TUGAS MEREKA YANG SEBENARNYA, MAKA NEGARA INI AKAN MENJADI MAJU SETARAF DENGAN NEGARA-NEGARA TERKUAT DI DUNIA.

"MALAYSIA MEMERLUKAN KUALITI DALAM SEGALA BIDANG. APATAH LAGI DALAM PERKHIDMATAN YANG KERAJAAN BERIKAN."

PERDANA MENTERI BERKATA SUNGUTAN YANG BANYAK SEKALI DITERIMA IALAH MENGENAI KETIDAK UPAYAAN KAKITANGAN KERAJAAN MELAYAN ORANG RAMAI, DAN PERKHIDMATAN YANG LEMAH INI MUNGKIN DISEBABKAN KURANG PENGETAHUAN UNTUK MENJALANKAN KERJA ATAU KURANG BUDI BAHASA.

HAL INI DAN SIKAP KAKITANGAN KERAJAAN ANTARA SATU SAMA LAIN DAN KEPADA ORANG YANG MEREKA BERIKAN KHIDMAT, MENGHASILKAN KUALITI PERKHIDMATAN YANG SANGAT LEMAH. -- LAGI 2013/WS

ZCZC B647

MAHATHIR - KUALITI 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SELAIN PERKHIDMATAN KAUNTER KAKITANGAN, KUMPULAN YANG PENTING SELEPAS ITU IALAH MEREKA YANG MENGENDALIKAN URUSAN DENGAN RAMAI WALAUPUN MEREKA MUNGKIN TIDAK MEMPUNYAI HUBUNGAN LANGSUNG DENGANNYA, SEPERTI MENYIAPKAN DOKUMEN DAN PERMOHONAN-PERMOHONAN.

"KERJA TERSEBUT KEBANYAKAN BIASA WALAUPUN ADA YANG MELIBATKAN KEPUTUSAN DAN "JIKA KAKITANGAN ITU SUDAH BIASA DENGAN KERJANYA SUDAH TENTU ORANG RAMAI AKAN DILAYAN DENGAN CEKAP "SEKALI.

"TETAPI BIASANYA PERJALANAN URUSAN KERJA TIDAK DIKETAHUI SAMA ADA OLEH PEGAWAI YANG BERTANGGUNG JAWAB ATAU PUN MEREKA YANG MENGAWASINYA DAN KESANNYA IALAH KELEWATAN YANG MERUGIKAN KERAJAAN DAN ORANG RAMAI," TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR.

"KUALITI PERKHIDMATAN YANG BAIK BERERTI SEGERA, JUJUR DAN TIDAK MENIMBULKAN MASALAH YANG MEMAKAN MASA YANG SINGAT -- IA TIDAK ADA SEDIKIT PUN TANDA-TANDA KORUPSI.

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA KUALITI MENJADI SEMAKIN JELAS APABILA IA MELIBATKAN ORANG RAMAI TETAPI TIDAK BERTIAKNA KERJA YANG TIDAK MELIBATKAN ORANG RAMAI HARUS DIABAIKAN ATAU MENJADI LEMAH.

-- LAGI 2025/WS

**MAHATHIR-KUALITI 3 KUALA LUMPUR**

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI CONTOH BAGAIMANA KUALITI MENURUN KERANA KELAMBATAN DAN SIKAP BERLENGAH-LENGAH, KERJA YANG TIDAK MENENTUDAN KETIDAK-PASTIKAN KUASA PEGAWAI YANG TERLIBAT.

KEPERLUAN YANG UTAMA, KATANYA, IALAH MEMBAIKI KAUNTER PERKHIDMATAN DAN KAKITANGAN HENDAKLAH MEMPUNYAI KESEDARAN MENGENAI KEPERLUAN KUALITI DALAM PEKERJAAN MEREKA DAN DIBERIKAN LATIHAN UNTUK MEMASTIKAN BAHAWA MEREKA MENCAPAI SATU TRAHAP SESUAI SETIAP MASA.

BELIAU MENYEBUT LATPHAN YANG DIJALANKAN OLEH SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA KEPADA KAKITANGANNYA YANG MENURUT LATIHAN BOLEH DILAKSANAKAN KEPADA SEMUA KAKITANGAN KERAJAAN YANG BERKHIDMAT DI KAUNTER-KAUNTER, BELIAU MERASAKAN BEBERAPA ASPEK DARMADA LATIHAN ITU HARUS DITEKANKAN DALAM PROGRAM-PROGRAM LATIHAN.

BELIAU BERKATA JIKA PERKHIDMATAN KAUNTER AMERIKA SYARIKAT PARA PEGAWAINYA DILATIH SUPAYA SENTIASA SENYUM DAN BERKATA +SELAMAT MENIKM

TT, HARI YANG BAIK, +TIDAK ADA SEBABNYA HENGAPA SIKAP SEUMPAMA ITU TIDAK BOLEH DILAKSANAKAN DI SINI.

+UCAPAN SELAMAT DATANG DENGAN SENYUMAN OLEH SEORANG PEGAWAI KASTAM DI LAPANGAN TERBANG SUDAH CUKUP MEMBANGGAKAN PARA PELANCONG DAN MEMBERIKAN GAMBARAN MENGENAI NEGARA KITA, +TAMBAH BELIAU.

-- LAGI 2200/AZ

MAHATHIR -- KUALITI 5 KUALA LUMPUR

SEMUA KENJA DIJABATAN KERAJAAN MELIBATKAN ORANG RAMAI, SEKURANG-KURANGNYA SECARA TIDAK LANGSUNG, TETAPI JIKA PENGLIBATKAN ITU TIDAK JELAS KUALITI PERKHIDMATAN MASIH BOLEH DIDAPATI AGAR KERAJAAN BERFUNGSI SECARA EFEKTIF DAN BETUL.

'OLEH ITU' ADALAH WAJAR BAGI SETIAP KAKITANGAN KERAJAAN BERMULA DARI PEMIMPIN POLITIK HINGGALAH KEPADA ATENDEN LIF MENANAMKAN KESEDARAN KUALITI DI DALAM KERJA-KERJA YANG DIJALANKANNYA, 'TAMBAH PERDANA MENTERI LAGI. -- BERNAMA 2030/WS.